



21 Mac 2024

KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, JKR Sarawak dan JKR Sabah.
2. Laporan ini dibentangkan selepas PAC selesai mengadakan prosiding pada 17 Januari 2024 dengan memanggil saksi-saksi seperti berikut:
 - i. **YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi**, Ketua Setiausaha KPM;
 - ii. **YBhg. Dato' Ir. Hj. Badioezaman bin Ab. Khalik**, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya;
 - iii. **YBrs. Ir. Ts. Br. Dr. Cassidy Anak Morris**, Timbalan Pengarah Infrastruktur JKR Sarawak.
 - iv. **YBrs. Encik Petrocelli Joseph**, Ketua Penolong Pengarah JKR Sabah.
3. Dalam melengkapinya prosiding ini, PAC turut mengadakan lawatan kerja ke 4 buah sekolah di Sarawak pada 5 Februari 2024 iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Supok dan SK Nanga Grenjang di Saratok serta SK Serabang dan SK Paku Central di Betong.

4. Melalui prosiding yang diadakan, PAC mendapati bahawa terdapat bangunan yang telah lama dikenal pasti dan disyor tidak sesuai untuk digunakan oleh pihak JKR namun masih tidak diambil tindakan penambahbaikan. Sebagai contoh, ada bangunan yang telah 12 tahun mendapat syor untuk dibaik pulih tetapi tiada tindakan diambil.
5. PAC dimaklumkan bahawa hal ini terjadi kerana kekangan kewangan yang menyebabkan KPM terpaksa memilih sekolah-sekolah yang perlu diutamakan dahulu berdasarkan kepada keadaan atau kerosakan yang lebih kritikal.
6. Selain itu, PAC juga mendapati kelewatan memproses permohonan projek sekolah daif oleh KPM menyebabkan berlakunya Notis Perubahan yang menyebabkan kerosakan sedia ada menjadi lebih teruk serta ditambah pula dengan keperluan baharu bagi mengikut perkembangan terkini.
7. PAC mendapati bahawa kegagalan KPM mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan isu ini menyebabkan kesan-kesan seperti berikut:
 - i. bangunan atau ruangan yang telah disyorkan tidak sesuai dan selamat untuk digunakan oleh pihak JKR masih digunakan;
 - ii. penempatan alternatif yang disediakan tidak kondusif sekali gus menjejaskan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP);
 - iii. terdapat kos-kos tambahan lain seperti pembinaan penempatan sementara bagi tujuan penyuraian murid, pertambahan kos overhead, kos-kos berkaitan masa, kos lanjutan dan lain-lain yang perlu ditanggung oleh Kerajaan; dan
 - iv. pertambahan tekanan kerja ke atas kakitangan sekolah/pejabat pendidikan/KPM disebabkan oleh desakan serta keluhan daripada ibu

bapa/orang awam dan tekanan ke atas murid/pelajar kerana perlu menjalankan sesi PdP dalam keadaan yang tidak kondusif dan selesa.

8. Atas sebab itu, PAC mahu KPM melaksanakan perancangan dan mengambil tindakan proaktif bagi memastikan sekolah-sekolah di Malaysia berada dalam keadaan selamat dan kondusif.
9. Ini termasuk melancarkan Program Sifar Bangunan Sekolah Daif. Ini antara 4 syor PAC yang dinyatakan dalam laporan ini.
10. Berdasarkan prosiding yang diadakan, PAC Parlimen membuat 6 rumusan seperti berikut:
 - i. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) menyatakan hanya 411 (27.3%) daripada 1,505 sekolah diangkat permohonan projek daif dan 398 daripadanya telah diluluskan. Bagaimanapun, hanya 386 projek daif yang dilaksanakan dan 123 (31.9%) daripadanya siap dilaksanakan. Manakala, 1,094 sekolah belum diangkat permohonan projek daif.
 - ii. Semasa prosiding PAC pada 17 Januari 2024, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memaklumkan bahawa sebanyak 267 permohonan projek sekolah daif telah diangkat ke Kementerian Ekonomi (KE) dan 249 permohonan telah diluluskan.
 - iii. KPM telah melaksanakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan di peringkat Persekutuan dan Negeri bagi mempercepatkan proses berhubung projek daif seperti Kelulusan Syor Meroboh, Keputusan Pindah Peruntukan, Urusan Hak Milik Tanah, Kebenaran Merancang, Notis Perubahan (NOC) dan lain-lain.

- iv. Penubuhan jawatankuasa berkaitan seperti Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR), serta inisiatif pemantauan telah diambil oleh pihak KPM bagi memastikan projek berjalan lancar tanpa kelewatan.
 - v. Projek sekolah daif yang dijalankan secara berpakej adalah tidak efektif dan KPM serta Jabatan Kerja Raya (JKR) bersetuju untuk tidak meneruskan pendekatan tersebut. Projek sakit yang dibangunkan secara berpakej ini sedang dipantau rapi oleh pihak JKR
 - vi. Bagi permohonan projek sekolah daif yang belum diangkat dan/atau diluluskan KE, KPM mengambil langkah membuat penyenggaraan untuk memanjangkan jangka hayat bangunan dan kefungisian bangunan tersebut supaya masih selamat digunakan.
11. Sehubungan itu, sebagai langkah penambahbaikan terhadap Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah, PAC Parlimen mengesyorkan 4 perkara kepada KPM untuk dilaksanakan seperti berikut:
- i. KPM perlu melancarkan Program Sifar Bangunan Sekolah Daif seluruh negara selaras dengan komitmen KPM untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP).
 - ii. KPM perlu meningkatkan perancangan dan pelaksanaan program penyenggaraan sekolah-sekolah bagi mengurangkan kebarangkalian sekolah-sekolah berkenaan dikategorikan sekolah daif.

- iii. KPM perlu memantapkan kaedah pengurusan projek melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian secara berterusan bagi memastikan semua projek yang dirancang siap mengikut jadual.
 - iv. Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah yang dipengerusikan oleh KPM perlu diperkasakan supaya lebih efektif bagi menangani isu-isu sekolah daif.
12. PAC memberikan tempoh selama 2 bulan kepada KPM sebelum dipanggil semula untuk prosiding tindakan susulan bagi membolehkan Jawatankuasa ini mengetahui tindakan yang telah diambil terhadap syor-syor yang dikemukakan.
13. Orang ramai boleh membaca setiap keterangan dan penemuan laporan ini dengan melayari laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen